

Surat khabar: Utusan Sarawak ( Berita Perdana )

Hari/Tarikh: 9/9/2013

Muka surat: 5

Tajuk : Malam Rumpun Budaya Dedah Budaya Kepada Pelajar Baharu.



UNIK ... Antara persembahan pelajar pada Malam Rumpun Budaya sempena Minggu Aluan Pelajar Ambilan September Sesi 2013/2014 Universiti Malaysia Sarawak di Kota Samarahan, malam semalam.

## **Malam Rumpun Budaya dedah budaya kepada pelajar baharu**

KOTA SAMARAHAN, Ahad — Malam Rumpun Budaya (MRB) yang dijalankan sempena Minggu Aluan Pelajar menghimpunkan budaya dari seluruh Malaysia serta mendedahkan kepada pelajar yang baru mendaftar terhadap budaya yang wujud di negeri Sarawak, khususnya para pelajar yang datang dari Semenanjung Malaysia. MRB ini juga merupakan satu platform terbaik untuk memupuk semangat kerjasama dalam kalangan para pelajar menerusi

pertandingan yang diadakan.

Selain itu, MRB ini juga merupakan ruang yang ideal kepada semua pelajar untuk mengenali budaya dari negara-negara lain dengan adanya kumpulan pelajar antarabangsa yang akan memamerkan kebudayaan mereka yang tersendiri.

Untuk MRB kali ini, kolej yang terlibat adalah Kolej Cempaka, Kolej Bunga Raya, Kolej Allamanda, Kolej Sakura dan Kolej Tun Ahmad Zaidi. Umum

nya, kolej yang akan terlibat untuk MRB adalah kolej yang terlibat dalam MAP itu sendiri kerana setiap kolej perlulah menghantar wakil untuk menyertai MRB.

Seperti tahun-tahun yang lepas, MRB cukup sinonim dengan pertandingan tarian, nyanyian dan pertandingan sorak (cheers) antara kolej. Untuk kali ini, satu lagi pertandingan telah diwujudkan buat julung kalinya iaitu Pertandingan Rekacipta dan Inovasi daripada bahan-bahan

terbuang yang disertai oleh lima buah kolej yang menyertai MAP kali ini.

Manfaat MRB kepada pelajar adalah mereka akan didekah dengan budaya-budaya di Malaysia khususnya keunikan budaya di negeri Sarawak itu sendiri. Selain itu juga, ia dapat mengajar pelajar baru agar dapat berfikiran kreatif dan kritis sekali gus mengenal dan menghargai warisan budaya yang ada di Malaysia khususnya budaya di negeri Sarawak.